

Malaysia naib pengerusi IHP Unesco

KUALA LUMPUR: Malaysia mengisi satu daripada jawatan Naib Pengerusi Majlis Antara Kerajaan Program Hidrologi Antarabangsa (IHP) Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco), pada sesi ke-17 program itu di Paris, Perancis, Isnin lalu.

"Malaysia menghargai pemilihan itu memandangkan negara ini sudah memainkan peranan aktif dalam bidang terbabit sejak 1975 semasa majlis kerajaan antarabangsa IHP dibentuk," kata satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Kedutaan Malaysia di Paris, kepada Bernama di sini, semalam.

Kenyataan itu menyebut Datuk Keizrul Abdullah, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan IHP Malaysia, mewakili Malaysia pada mesyuarat yang dihadiri wakil dari 36 negara itu.

Pada sesi dwitahunan itu, Nigeria dipilih sebagai Pengerusi Majlis Antara Kerajaan IHP. Mesyuarat itu berakhir Jumaat ini.

Antara objektif IHP ialah mempermudah pembangunan aktiviti hidrologi. - Bernama